

PENDAKWA SYARIE
lwn
NORAZAH BINTI MD YUSOFF
(850907-01-5616)

[Mahkamah Rendah Syariah Seremban, Negeri Sembilan].
(Kes Jenayah No: 05009-114-0349-2020)
(Mohd Ihsan Bin Mohamad Daud, HMRS)
[29 April 2024]

Dalam kes ini Norazah Binti Md Yusoff No. K/P: xxxxx telah dituduh melakukan kesalahan melakukan percubaan persetubuhan haram dengan pasangannya Ahmad Zulfadhli Bin Azahar No. K/P: xxxxx pada 16.12.2019 di dalam sebuah rumah di Alamat No 779, Jalan Nusa Intan 2/3, Taman Nusa Intan, 70450, Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus di bawah s 61(1) ENAKMEN JENAYAH SYARIAH NEGERI SEMBILAN 1992.

Pertuduhan OKT L yang dipertuduhkan adalah seperti berikut:

Bahawa kamu Ahmad Zulfadhli Bin Azahar No. K/P: xxxxx pada 16.12.2019 jam lebih kurang 2.47 pagi telah didapati melakukan percubaan persetubuhan haram dengan Norazah Binti Md Yusoff No. K/P : xxxxx, yang bukan mahram atau isteri kamu di mana kamu didapati berkurung yang mendatangkan syak bahawa kamu melakukan maksiat di dalam sebuah rumah di Alamat No 779, Jalan Nusa Intan 2/3, Taman Nusa Intan, 70450, Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Oleh yang demikian kamu dituduh melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 61(1) Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992, jika disabitkan boleh dihukum di bawah Seksyen dan Enakmen yang sama.

Pertuduhan OKT P yang dipertuduhkan adalah seperti berikut:

Bahawa kamu Norazah Binti Md Yusoff No. K/P: xxxxx pada 16.12.2019 jam lebih kurang 2.47 pagi telah didapati melakukan percubaan persetubuhan haram dengan Norazah Binti Md Yusoff No. K/P : xxxxx, yang bukan mahram atau suami kamu di mana kamu didapati berkurung yang mendatangkan syak bahawa kamu melakukan maksiat di dalam sebuah rumah di Alamat No 779, Jalan Nusa Intan 2/3, Taman Nusa Intan, 70450, Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Oleh yang demikian kamu dituduh melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 61(1) Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992, jika disabitkan boleh dihukum di bawah Seksyen dan Enakmen yang sama.

Mahkamah ini berpuas hati bahawa pertuduhan ini adalah bertepatan dengan peruntukan s 77(1) dan (2) ENAKMEN TATACARA JENAYAH SYARIAH (NEGERI SEMBILAN) 2003 mengenai darihal pertuduhan iaitu:

77(1) Tiap-tiap pertuduhan di bawah Akta ini hendaklah menyatakan kesalahan yang atasnya tertuduh dipertuduhkan.

77(2) Jika undang-undang yang mewujudkan kesalahan itu memberinya apa-apa nama tertentu, kesalahan itu boleh diperihalkan dalam pertuduhan itu dengan nama itu sahaja.

Seksyen 78 ENAKMEN TATACARA JENAYAH SYARIAH (NEGERI SEMBILAN) 2003 pula menyebut:

Pertuduhan itu hendaklah mengandungi apa-apa butir tentang waktu dan tempat kesalahan yang dikatakan itu dan orang, jika ada, yang terhadapnya atau benda, jika ada, yang berkenaan dengannya kesalahan itu telah dilakukan sebagaimana yang semunasabahnya mencukupi supaya tertuduh maklum tentang perkara yang mengenainya dia dipertuduhkan.

Oleh itu, mahkamah ini berpendapat pertuduhan yang dikemukakan oleh pendakwa syarie terhadap tertuduh telah memenuhi kehendak ss 77(1), dan 78 ENAKMEN TATACARA JENAYAH SYARIAH (NEGERI SEMBILAN) 2003 iaitu dengan menyebut nama kesalahan iaitu 'telah didapati melakukan percubaan persetubuhan haram dengan Norazah Binti Md Yusoff No. K/P : xxxxx, yang bukan mahram atau isteri kamu di mana kamu didapati berkurung yang mendatangkan syak bahawa kamu melakukan maksiat di dalam sebuah rumah di Alamat No 779, Jalan Nusa Intan 2/3, Taman Nusa Intan, 70450, Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.'

Pada 28 September 2020, Ahmad Zulfadhli Bin Azahar No. K/P: xxxxx adalah orang kena tuduh ('OKT') hadir di hadapan hakim Mahkamah Rendah Seremban, Negeri Sembilan untuk didakwa atas kesalahan tersebut oleh pendakwa syarie, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan. Setelah pertuduhan dibacakan, OKT mengaku faham akan pertuduhan yang dibacakan, dan mengaku tidak bersalah atas pertuduhan yang dibacakan serta mohon dibicarakan.

Dalam kes ini, OKT telah dituduh melakukan kesalahan di bawah s 61(1) ENAKMEN JENAYAH SYARIAH NEGERI SEMBILAN 1992, kesalahan berhubungan dengan Darihal kesalahan mengenai kehormatan diri, iaitu atas kesalahan Percubaan persetubuhan haram yang memperuntukkan:

(1) Mana-mana orang yang melakukan perbuatan percubaan persetubuhan haram adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Huraian 1-Seseorang lelaki yang didapati bersekediaman atau bersekedudukan atau berkurung atau bersembunyi yang mendatangkan syak bahawa mereka melakukan maksiat

di mana-mana tempat dengan seorang perempuan yang bukan mahramnya selain daripada isterinya adalah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen ini.

Huraian 2-Seseorang perempuan yang didapati bersekediaman atau bersekedudukan atau berkurung atau bersembunyi yang mendatangkan syak bahawa mereka melakukan maksiat di mana-mana tempat dengan seorang lelaki yang bukan mahramnya selain daripada suaminya adalah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen ini.

Huraian 3-Seseorang lelaki yang didapati bersama-sama dengan lebih daripada seorang perempuan yang bukan isterinya atau bukan mahramnya di tempat yang sunyi atau di dalam sebuah bilik mana-mana bangunan atau di tempat yang terasing dalam keadaan yang boleh mendatangkan syak bahawa mereka melakukan maksiat adalah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen ini.

Huraian 4-Seseorang perempuan yang didapati bersama-sama dengan lebih daripada seorang lelaki yang bukan suaminya atau bukan mahramnya di tempat yang sunyi atau di dalam sebuah bilik mana-mana bangunan atau di tempat yang terasing dalam keadaan yang boleh mendatangkan syak bahawa mereka melakukan maksiat adalah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen ini.

Sebagai memenuhi tuntutan prosedur perbicaraan, mahkamah ini merujuk kepada s 99(a) dan (b) ENAKMEN TATACARA JENAYAH SYARIAH (NEGERI SEMBILAN) 2003 yang menyebut:

Prosedur yang berikut hendaklah diikuti oleh Hakim dalam perbicaraan:

- (a) Apabila tertuduh hadir atau dibawa ke hadapan Mahkamah, maka pertuduhan yang mengandungi butir-butir kesalahan yang dia dituduh melakukannya itu hendaklah dibentuk, dibaca dan dijelaskan kepadanya, dan dia hendaklah ditanya sama ada dia bersalah atas kesalahan yang dipertuduh itu atau meminta dibicarakan;
- (b) Jika orang yang dituduh itu mengaku salah atas pertuduhan itu sama ada atas pertuduhan asal yang dirangka atau yang dipinda, pengakuan itu hendaklah direkodkan dan dengan itu dia boleh disabitkan ke atasnya:

Pada 23.5.2022, OKT hadir bersama wakilnya, Pendakwa Syarie memulakan perbicaraan dengan keterangan saksi-saksi pendakwa seramai empat orang iaitu:

- (a) En. Hafi Bin Ismail, K/P No xxxxx ('SP 1');
- (b) En. Muhammad Syazwan Bin Burhanuddin, K/P No xxxxx ('SP 2');
- (c) En. Ahmad Hafiz Bin Ahmad, K/P No xxxxx ('SP 3');
- (d) Pn. Nurhafezah Binti Kamal Ameeroodin, K/P No xxxxx ('SP-4')

SP1 dalam keterangannya pada 23.5.2022, menyatakan pada 16.12.2019 antara jam 2.15 pagi, telah menerima maklumat aduan melalui panggilan telefon dan kemudiannya memindahkan maklumat tersebut kedalam Borang 5 secara bertulis. Borang 5 telah ditandatangani oleh beliau.

MAKSUD KESALAHAN

Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah

[10] Mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, (Edisi Ketiga), 1998 terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka:

‘Perbuatan’ — Segala yang dibuat, kerja, tindakan.

‘Percubaan’ — usaha utk melakukan (men-jayakan, menghasilkan, mencapai) sesuatu

‘Persetubuhan’ — Seketiduran, jimak, sanggama.

‘Haram’ — hukum tegahan (dlm Islam) yg di-janjikan ganjaran pahala bagi orang yg mematuhi dan dosa bagi orang yg meng-ingkarinya

Berdasarkan kepada pengertian dan maksud perkataan tersebut di atas, saya berpendapat bahawa, maksud terminologi kepada ‘Perbuatan Percubaan Persetubuhan Haram’ adalah suatu tindakan (action) berbentuk perbuatan awal untuk melakukan persetubuhan di luar nikah, tanpa wujudnya perkahwinan yang sah dari segi hukum syarak bagi kedua-dua pasangan tersebut.

Elemen-elemen itu ialah:

(a) OKT berada bersama dengan seorang wanita Islam iaitu Norazah Binti Md Yusoff di dalam sebuah rumah di Alamat No 779, Jalan Nusa Intan 2/3, Taman Nusa Intan, 70450, Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus pada 16.12.2019 jam lebih kurang 2.47 pagi.

(b) Mereka bukan suami isteri dan bukan mahram.

(c) Wujud keadaan yang boleh menimbulkan syak sedang melakukan sedang melakukan maksiat.

Abdul Qadir Audah dalam bukunya al-Tashri’ al-Jinaie al-Islami: Muqaranan bi alQanun al-Wadie, Juz 2, Muassasah al-Risalah, Beirut, (Cetakan Keenam), 1405H/1985M, ms 317 menyebutkan:

Maksudnya: Adapun apabila kesalahan yang diwajibkan dengan hukuman ta’zir badani (ta’zir melibatkan keseksaan pada badan) bukan qisas maka al-Syafie dan Ahmad berpendapat bahawa kesalahan itu tidak sabit melainkan dengan hukuman yang sabit dengan hukuman qisas iaitu dengan kesaksian dua orang lelaki yang adil kerana bahawasanya hukuman badani (keseksaan badan) adalah suatu yang bahaya maka wajib secara ihtiat pada hukuman itu dengan kadar yang maksima.

Selain itu, pendakwa syarie juga berjaya membuktikan prinsip am jenayah yang bergantung kepada dua keadaan ini iaitu:

Pertama, kesalahan tertuduh itu telah menyebabkan suatu kejadian atau tanggungjawab diletakkan ke atas bahunya kerana tertuduh telah menyebabkan wujudnya satu keadaan yang dilarang undang-undang atau dikenali sebagai *actus reus* ataupun dalam bahasa mudah perbuatan tertuduh adalah salah dan berlawanan dengan peraturan dan undang-undang malahan hukum syarak iaitu kesalahan percubaan persetubuhan haram yang mendatangkan syak melakukan maksiat di dalam sebuah rumah.

Kedua, bahawa tertuduh berada dalam keadaan fikiran yang jelas berhubung dengan sebab kejadian ataupun wujudnya keadaan dan kejadian tersebut ataupun dikenali sebagai *mens rea* ataupun dalam bahasa lebih mudah adalah dengan niat melakukan kesalahan tersebut iaitu pada waktu tengah malam berada di dalam sebuah rumah yang mana rumah tersebut dihuni oleh seorang Perempuan yang bukan mahramnya dan menunjukkan qarinah ingin melakukan kesalahan jenayah syariyyah. Ia sesuai dengan sabda Rasulullah SAW yang berbunyi:

Maksudnya: Sesungguhnya segala perbuatan itu bergantung kepada niat ...

(Jalaluddin al-Suyuti, *al-Asybah wa al-Naza'ir fi Qawa'id wa Furu' Fiqh al-Shafiiyyah*, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut, (Cetakan Kedua), 1414H/1993M ms 38).

Pihak OKT-OKT juga di dalam Hujahan Bertulis di perenggan 36 mempertikaikan, adakah anak-anak tertuduh tidak dianggap berkurung dengan tertuduh-tertuduh walhal mereka ini didapati berkurung di dalam rumah tersebut. Kemudian pihak OKT-OKT juga mempersoalkan kepada anak-anak tersebut tidak di dakwa atau memberikan keterangan di Mahkamah ini?

Pada asasnya, berdua-duaan antara lelaki dan perempuan bukan mahram adalah suatu perbuatan yang ditegah dalam agama. Hal ini adalah berdasarkan kepada riwayat daripada 'Uqbah bin 'Amir bahawa Rasulullah SAW bersabda:

قَالَ الْحَمْوُ؟ أَفَرَأَيْتَ ،اللَّهِ رَسُولَ يَا :الْأَنْصَارِ مِنْ رَجُلٍ فَقَالَ .النِّسَاءِ عَلَى وَالِدُخُولِ إِيَّاكُمْ
الْمَوْتُ الْحَمْوُ

Maksudnya: "Jauhilah kamu daripada masuk kepada wanita-wanita. Seorang lelaki Ansar berkata: 'Wahai Rasulullah, bagaimanakah pendapatmu dengan al-Hamwu (iaitu kaum kerabat suami yang halal dinikahi)?' Baginda menjawab: "Al-Hamwu ialah kematian." [1]

Begitu juga terdapat riwayat daripada Ibn Abbas R.Anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَخْلُونَ رَجُلٌ بِامْرَأَةٍ إِلَّا مَعَ ذِي مَحْرَمٍ. فَقَامَ رَجُلٌ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، امْرَأَتِي خَرَجَتْ حَاجَّةً، وَاکْتَتَبْتُ فِي غَزْوَةٍ كَذَا وَكَذَا. قَالَ: ارْجِعْ فَحُجِّ مَعَ امْرَأَتِكَ

Maksudnya: “Janganlah seorang lelaki berkhalwat (berdua-duaan) dengan seorang wanita kecuali bersama mahramnya. Seorang lelaki bangun lalu berkata: ‘Wahai Rasulullah, isteriku keluar untuk haji, sedangkan aku pula telah mendaftar untuk ikut berperang sekian dan sekian.’ Baginda bersabda: ‘Kembalilah dan laksanakan haji bersama isterimu.’”[2]

Imam al-Nawawi ketika mensyarahkan hadith di atas menyebutkan, janganlah seorang lelaki itu duduk berdua-duaan dengan seorang perempuan melainkan bersama-sama dengan perempuan itu mahramnya. Sekiranya seorang lelaki ajnabi itu berkhalwat bersama-sama dengan wanita ajnabiyyah tanpa ada orang yang ketiga maka perbuatan itu adalah haram secara sepakat para ulama. **Demikianlah juga (hukumnya) jika bersama-sama perempuan tersebut seseorang yang mereka tidak berasa malu dengannya disebabkan kecilnya dia seperti seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun, tiga tahun atau seumpamanya, kerana wujudnya anak tersebut di situ sama seperti tiada.** Selain itu, ulama-ulama dalam kalangan mazhab Syafi’i berpendapat, tiada beza dalam pengharaman khalwat — antara lelaki dan perempuan ajnabiyyah — sama ada khalwat itu berlaku ketika solat atau selainnya.

al-Minhaj Syarh Sahih Muslim, 9/109

Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa *actus reus* tersebut telah dibuktikan oleh pendakwa syarie di samping elemen *mens rea* atau niat itu secara bersama memandangkan kedua-duanya berkait rapat dalam terjadinya perlakuan keberadaan kedua-dua OKT di dalam rumah milik OKT Perempuan Norazah Binti Md Yusoff pada 16.12.2019 jam lebih kurang 2.47 pagi dan mereka berada dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak sedang melakukan maksiat adalah melakukan kesalahan yang berhubung dengan tatasusila serta menimbulkan syak akan berlakunya perzinaan di antara mereka. Keadaan persekitaran ketika itu ialah pada jam 2.47 pagi di dalam rumah yang kebiasaan waktu tersebut adalah waktu orang tidur.

Oleh itu OKT-OKT ini menjadikan suasana dan keadaan tersebut sebagai matlamat untuk melakukan perbuatan persediaan melakukan maksiat. Justeru itu, mahkamah berpendapat ini menjadi suatu *qarinah* bahawa OKT-OKT mempunyai motif untuk melakukan kesalahan yang dipertuduhkan ini. Perbuatan mereka adalah merangkumi elemen *actus reus* dan *mens rea*.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-39 yang bersidang pada 21 Sep 1995 telah membincangkan Garis Panduan Mengenai Maksiat Dari Perspektif Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

a) Maksiat dari segi bahasa bermakna derhaka dan maksiat dari segi istilah ialah perbuatan yang membawa dosa iaitu yang bertentangan dengan akidah, syariat dan ajaran Islam sama ada dengan melakukan larangan Allah dan Rasul atau meninggalkan suruhan Allah dan Rasulnya, dengan kata lain melakukan yang haram dan meninggalkan yang wajib. Perbuatan tersebut memberi kesan kepada kehidupan seseorang dalam akidah, syariat ataupun akhlak.

b) Jenis-jenis maksiat :

i. Maksiat kepada Allah dan Rasul iaitu meninggalkan perintahNya dan melakukan laranganNya.

ii. Maksiat terhadap makhluk iaitu maksiat terhadap manusia, maksiat terhadap haiwan dan alam sekitar, maksiat terhadap harta awam.

c) Maksiat dalam apa jua bentuk sama ada kepada Allah dan Rasul, kepada manusia dan makhluk boleh merosakkan agama, iman, akhlak, kemuliaan diri dan kesejahteraan individu, keluarga, masyarakat, negara dan umat.

OKT-OKT menimbulkan tiga isu bertujuan menimbulkan keraguan atas pertuduhan ke atas OKT. Isu pertama ialah isu Pihak Pendakwa gagal mematuhi Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003. OKT menyatakan bahawa Borang 5 seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 54 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 jelas sekali tidak lengkap dan tidak dapat dipastikan ketulenan kandungannya.

Mahkamah ini merujuk kepada catatan Mahkamah dan Mahkamah mendapati bahawasanya dokumen berkaitan Borang 5 telah selesai ditanderkan sebagai P-1 oleh Hakim Bicara sebelum ini.

OKT mempertikaikan bahawasanya kenapa pemilik tandatangan di Borang 5 tersebut iaitu Puan Siti Hajar tidak dipanggil memberikan keterangan, maka Mahkamah ini menyatakan pada peringkat ini adalah masih di peringkat pendakwaan dan terpulang kepada pihak Pendakwa samada ingin memanggil saksi yang manakah untuk memberikan keterangan di Mahkamah ini kerana itu adalah hak mereka pada peringkat ini sepertimana Kuasa sedia ada yang telah diberikan oleh Undang-undang kepada Ketua Pendakwa Syarie di bawah Seksyen 78, NAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SEMBILAN) 2003.

Jika dirujuk kepada peruntukkan seksyen 54(1) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 menyatakan :

(1) Tiap-tiap maklumat berhubung dengan pelakuan sesuatu kesalahan, jika diberikan secara lisan kepada seseorang Pegawai Penguat Kuasa Agama, hendaklah diubah ke dalam bentuk

bertulis olehnya atau di bawah arahnya dan hendaklah dibacakan kepada pemberi maklumat itu.

(2) Tiap-tiap maklumat itu hendaklah dicatatkan ke dalam Borang 5 Jadual Kedua yang hendaklah disimpan oleh pegawai itu, yang hendaklah menyatakan dalam catatan itu tarikh dan waktu maklumat itu telah diberikan, dan sama ada diberikan secara bertulis atau diubah ke dalam bentuk bertulis sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (1) dan hendaklah ditandatangani oleh orang yang memberikan maklumat itu.

Kemudian siapakah pula yang dinamakan sebagai penguatkuasa Agama yang telah diperuntukkan oleh undang-undang? Mahkamah merujuk kepada seksyen 79 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 :

Seksyen 79

*Majlis, atas syor Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, boleh melantik daripada kalangan anggota perkhidmatan awam am Persekutuan atau perkhidmatan bersama, **seorang Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama dan Pegawai-Pegawai Penguat Kuasa Agama, untuk menjalankan penyiasatan kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen ini** atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam dan boleh melantik orang untuk membantu mereka berkenaan perkara yang sama.*

Mahkamah juga mendapati kedua-dua ruangan tandatangan dalam Borang 5 tersebut telah diisi oleh Pegawai Penguatkuasa Agama dan bukannya selain dari Pegawai Penguatkuasa Agama. Di ruangan Tandatangan Pemberi Maklumat diisi SP1 dan Tandatangan Pegawai Penguatkuasa Agama diisi oleh Puan Siti Hajar, kedua-dua mereka adalah Pegawai Penguatkuasa Agama Negeri Sembilan.

SP1 dalam keterangannya memberitahu beliau telah menerima aduan berkenaan dengan kes seksyen 61(1) Enakmen Jenayah Syariah 1992 kemudian beliau mengisi boring 5 tersebut dan beliau juga menurunkan tandatangan beliau di ruangan tandatangan pemberi maklumat.

Mahkamah merujuk kepada Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007 (Garis Panduan Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah) yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM berkaitan tatacara pemberi Maklumat :

Mendapatkan maklumat daripada pemberi maklumat

4(d)(ii)

Jika maklumat diterima melalui telefon, PPA hendaklah mengambil Langkah-langkah seperti yang berikut:

- (A) Mengubah maklumat itu ke dalam bentuk tulisan;*
- (B) Mencatatkan Tarikh dan waktu maklumat itu diterima di dalam Borang 5; dan*
- (C) Menandatangani boring tersebut sebagai pemberi maklumat dan ditandatangani oleh seorang PPA yang lain sebagai penerima maklumat.*

Maka, di dalam kes ini isu pertama bagi kes ini Borang 5 tersebut adalah menepati kehendak peruntukkan yang ada.

Isu kedua ditimbulkan oleh OKT ialah pihak pendakwaan gagal membuktikan fakta isu.

Pihak OKT di dalam hujahan bertulisnya perenggan 27 telah membuat kesimpulan bahawasanya fakta isu yang perlu dibuktikan ialah :

- i. Bukan pasangan suami isteri dan bukan muhrim.
- ii. Didapati berkurung di tempat yang sunyi atau di dalam sebuah bilik mana-mana bangunan atau di tempat yang terkurung
- iii. Mendatangkan syak bahawa mereka melakukan maksiat.

Mahkamah ingin merujuk kepada perkara (i) tersebut iaitu bukan pasangan suami isteri dan bukan muhrim. Perkataan muhrim digunakan sebanyak 2 kali oleh OKT-OKT pada perenggan 27 dan 28. Makna muhrim ialah orang yg dalam ihram semasa ibadah haji atau umrah. Maka perkataan yang betul dan tepat adalah mahram bukannya muhrim.

Mahkamah tidak mahu mengulas panjang isu yang pertama ini kerana pihak OKT mengakui bahawa elemen yang pertama ini telah dipenuhi seperti yang dihujahkan di perenggan 28 Hujahan Bertulis OKT iaitu mereka berdua adalah bukan mahram.

Kemudian pihak OKT- OKT menyimpulkan seksyen 61(1) tersebut mestilah dibuktikan Didapati berkurung di tempat yang sunyi atau di dalam sebuah bilik mana-mana bangunan atau di tempat yang terkurung.

Perenggan 30 Hujahan bertulis OKT-OKT, mereka mengakui mereka berdua berada di dalam rumah tersebut. OKT-OKT mempertikaikan adakah mereka didapati berkurung?

OKT-OKT menghujahkan bahawa berlaku percanggahan fakta keterangan SP2 mengatakan pagar dan grill berkunci manakala SP3 menyatakan pagar tidak berkunci hanya pintu Sahaja berkunci. Kemudian SP4 memberitahu pintu pagar berkunci, grill tidak ditutup tetapi pintu utama tertutup rapat.

Apabila saya meneliti keterangan saksi-saksi Pendakwa Syarie ini, kesemuanya mereka memberikan keterangan yang konsisten bahawa pintu rumah tersebut adalah dalam keadaan bertutup.

Oleh kerana hukuman dalam kes ini adalah hukuman ta'zir, mahkamah merujuk kitab al Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyyah, Dar

al-Kutub al Ilmiyyah, Beirut, Lubnan ms 293 karangan Al-Mawardi yang menyebut:

Maksudnya: Ta'zir adalah satu proses ta'dib atau memperadabkan atas dosa atau kesalahan yang tidak diperundangan hukum hudud ...

Manakala Dr Wahbah al-Zuhaili, di dalam kitab al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh, Juz 6, Dar al-Fikr, (Cetakan Kedua), 1985M/1405H, ms 197 pula menyebut:

Maksudnya: Ta'zir merupakan hukuman yang dikenakan ke atas maksiat atau jenayah yang tidak ditentukan hukuman had atau kaffarah.

Pembuktian kes ta'zir adalah berbeza dengan pembuktian kes hudud. Shamrahyu A Aziz dalam bukunya *Criminal Procedure in the Syariah Courts*, Sweet & Maxwell Asia, (Cetakan 2011), Petaling Jaya, Selangor, p 115

menyebutkan:

The standard of proof in Islam for hudud cases punishable by hudud punishment should be *yaqin*, which could be amounting to —beyond any shadow of doubt.

This is because of the principle of Islamic criminal justice that hudud punishment should not be imposed or executed should there be any slight doubt. This is conveyed in the Hadith which comes to the effect that —avoid hudud punishment if there is doubt (*shubhah*). The second degree of the standard of proof is *zann qarib min al-yakin*, which may be similar to —beyond any reasonable doubt. This standard of proof may be applied in ta'zir punishment as the punishment can still be executed if the evidence is not —beyond any shadow of doubt but merely—beyond any reasonable doubt.

Maksudnya:

Piawaian pembuktian dalam Islam dalam kes hudud yang dihukum mengikut hukuman hudud hendaklah pada peringkat yakin, yang disebutkan —melepasi sebarang keraguan. Ini disebabkan prinsip kehakiman jenayah Islam menyatakan hukuman hudud tidak boleh dilaksanakan sekiranya terdapat sebarang keraguan. Ini adalah bersesuaian dengan Hadith yang menyebutkan —diketepikan hukuman hudud sekiranya ada keraguan. Heiraki kedua bagi piawaian pembuktian ialah

—berat sangka mendekati yakin yang mempunyai pengertian sama dengan

—melepasi sebarang keraguan munasabah. Piawaian ini terpakai bagi hukuman ta'zir iaitu hukuman yang dikuatkuasakan sekiranya bukti tidak mencapai

—melepasi sebarang keraguan tetapi mencapai melepasi sebarang keraguan yang munasabah.

Oleh itu, saya berpuas hati bahawa pendakwa syarie telah berjaya membuktikan dakwaannya pada peringkat *zann qarib min al-yakin* atau melepasi sebarang keraguan munasabah (*beyond any reasonable doubt*).

Seksyen 106 ENAKMEN TATACARA JENAYAH SYARIAH (NEGERI SEMBILAN) 2003 memperuntukkan:

(1) Pada tiap-tiap perbicaraan jika dan apabila Mahkamah memanggil tertuduh untuk mengemukakan pembelaannya Mahkamah hendaklah, jika tertuduh tidak diwakili oleh Peguam Syarie, memberitahunya tentang haknya untuk mengangkat sumpah dan kesannya atau tentang haknya untuk memberikan keterangan bagi pihak dirinya sendiri, dan jika dia memilih untuk memberikan keterangan bagi pihak dirinya sendiri, hendaklah menarik perhatiannya kepada perkara-perkara utama dalam keterangan bagi pihak pendakwa terhadapnya supaya dia berpeluang untuk menjelaskannya.

KEPUTUSAN

Oleh itu, **NORAZAH BINTI MD YUSOFF (xxxxx)** dikehendaki mengemukakan pembelaan diri dengan memilih salah satu dari dua cara iaitu mengangkat sumpah dan memberi keterangan dalam kandang saksi atau memberi keterangan bagi pihak dirinya sendiri dari kandang orang salah.

أعلم والله

MOHD IHSAN BIN MOHAMAD DAUD
Hakim Mahkamah Rendah Syariah Seremban
Tarikh : 29 April 2024